

14 AUG 1998

Mahathir - Labuan

KERAJAAN MAHU LABUAN JADI PULAU TERCANTIK DI DUNIA

LABUAN, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pihak berkuasa di Labuan serta penduduknya melakukan gerakan besar-besaran untuk mengindahkan seluruh pulau itu bagi menjadikannya sebagai pulau yang tercantik di dunia.

Katanya langkah itu bagi menambahkan daya tarikan pulau itu di kalangan pelancong asing, yang kemudian akan menyumbang kepada kepesatan kegiatan ekonomi di pulau itu.

"Untuk ini kita ingin mewujudkan lanskap untuk seluruh pulau Labuan. Kita tahu sudah ada lanskap di Labuan, tetapi sekarang ini kita nak supaya ia meliputi ke semua jalan-jalan di pulau ini," katanya pada majlis bersama rakyat di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Labuan, dekat sini, hari ini.

Katanya langkah pengindahan pulau itu turut meliputi penanaman pokok untuk menghiasi pulau berkenaan serta pembersihan menyeluruh kawasan pantainya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, kemudahan sukan dan rekreasi bagi membolehkan acara sukan tertentu, seperti berbasikal dan menunggang kuda juga perlu diwujudkan bagi menambah tarikannya.

Katanya Labuan memang sebuah pulau yang berpotensi untuk menarik kedatangan pelancong, tetapi pulau itu perlu mempunyai sesuatu yang istimewa terlebih dahulu sebelum dapat mengharap kedatangan pelancong secara beramai-ramai.

"Yang akan menjadi keistimewaan kepada Labuan ialah kecantikan di seluruh pulau," katanya.

Bagaimanapun, beliau juga meminta kerjasama daripada penduduk pulau bebas cukai itu agar dapat menyumbangkan tenaga bagi menjadikan impian itu satu kenyataan.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan memberi bantuan kewangan setakat yang terdaya, tetapi penduduk pulau itu termasuk badan-badan sukarela perlu membantu menjayakannya.

"Saya telah meminta Lembaga Pembangunan Labuan untuk menghantar laporan bulanan yang disertai gambar-gambar mengenai kemajuan yang dicapai dalam kerja-kerja pengindahan pulau ini, dan saya berharap dalam gambar-gambar itu nanti saya akan melihat anggota badan-badan sukarela turut membantu menjayakan program itu," katanya.

Terdahulu dalam persidangan berita selepas meninjau projek pembangunan di pulau itu, Dr Mahathir berkata, Labuan juga perlu mempunyai bekalan keperluannya sendiri tanpa perlu bergantung kepada tanah besar Sabah.

"Kita perlu cari jalan supaya sayur-sayuran dan sumber ikan dapat dihasilkan di pulau ini sendiri. Sayur mungkin boleh ditanam secara hidroponik atau di atas tanah dan ikan pula melalui ternakan dalam sangkar yang memang boleh dilakukan," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir pagi tadi melawat dua projek di pulau itu, iaitu terminal baru Lapangan Terbang Labuan berharga RM138 juta, tidak jauh dari terminal yang sedia ada dan Kompleks Bangunan Gunasama Wilayah Persekutuan Labuan, yang akan menempatkan semua agensi dan jabatan persekutuan di pulau itu.

Dr Mahathir yang ditanya mengenai pembinaan lapangan terbang itu, berkata kemudahan terminal baru yang canggih itu akan menarik perhatian syarikat penerbangan untuk membuat penerbangan terus ke Labuan.

-- BERNAMA

JS RI